



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

8 Julai 2016 / 3 Syawal 1437H

Menghayati Pengertian Hikmah Di Dalam Al-Quran

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنَّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ حُدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَ مَصْبَاحُ الظَّلَامِ، اَللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عَلَانِيَتَكُمْ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar ketakwaan. Berpegang teguhlah kepada tali Allah s.w.t., dan marilah kita saling kasih mengasihi sesama manusia, semoga kita tergolong di kalangan mereka yang beriman dan berhikmah.

Saudaraku,

Apabila kita membuka lembaran Al-Quran, kita akan dapati satu kalimah yang seringkali disebutkan Allah Yang Maha Bijaksana.

Kalimah ini muncul hampir 20 kali di dalam Al-Quran. Kadangkala kalimah ini digandingkan dengan kalimah *Al-kitab*, dan kadangkala pula ia dinyatakan secara bersendirian. Kalimah yang saya maksudkan di sini adalah *Al-Hikmah*. Allah s.w.t. berfirman:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَهُمْ
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” [Surah Al-Nahl 16:125]

Saudaraku,

Ayat yang baru dibacakan sebentar tadi, merupakan panduan illahi kepada Baginda Nabi s.a.w. dan juga umatnya agar memerhatikan dua perkara yang penting dalam berdakwah. Yang pertama: Tujuan yang ingin dicapai. Ayat tersebut dengan jelas menegaskan bahawa tujuan kita semua adalah Allah, kita beramal untuk mencapai keredaan serta rahmatNya. Oleh kerana itu, seharusnya niat dan tujuan seorang mukmin tatkala menyampaikan agama adalah untuk membawa dan membimbing manusia ke jalan Tuhan. Bukan tujuan-tujuan

yang selain darinya, seperti membawa insan ke jalan-jalan yang pelbagai ataupun kepada agenda-agenda kelompok tertentu.

Perkara yang kedua yang perlu diperhatikan setiap mukmin tatkala menyampaikan agama adalah dengan menggunakan pendekatan yang efektif dan bijak di saat menyeru mereka ke jalan Illahi.

Namun saudaraku, bilakah agaknya kita berjaya menerapkan hikmah dalam penuturan dan pergerakan kita? Menurut ulama apabila seseorang berjaya meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sesuai, itu bermaksud ia berjaya mencapai aspek hikmah.

Dari itu, jelas bagi kita, bahawa tiada kerugian yang akan menimpa seseorang yang sentiasa memastikan aspek hikmah dalam pergaulannya. Seorang mukmin yang sering memerhatikan aspek hikmah dalam pergaulan, beliau lebih cenderung untuk memastikan bahawa apa yang beliau laku ataupun katakan, mudah difahami dan diterima insan lain. Perhatikan saudaraku, bagaimana Allah s.w.t. pada pelbagai firman-firmanNya menegaskan bahawa apa yang Allah s.w.t. sampaikan semuanya mampu difahami dan digarap minda insan biasa. Allah berfirman (لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ) dan (لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ): yang

bermaksud: *“Bagi orang yang berakal”* dan *“Bagi kaum yang memiliki pemikiran.”*

Maka contohilah pendekatan Al-Quran ini dalam pergerakan, pergaulan dan penuturan kita. Acap kali, kita menyampaikan sesuatu, hanya kerana kita merasakan ia perkara yang kita anggap penting, serta perlu disampaikan kepada pihak yang lain. Tanpa memikirkan kesan masa panjang, ataupun perasan dan perspektif insan lain.

Sebagai contoh, bayangkan anda solat bersebelahan dengan seseorang yang terlupa untuk mematikan telefon bimbitnya atau meletakkannya pada *silent mode*, lalu telefon bimbitnya berbunyi ketika solat berjemaah sedang didirikan di dalam masjid. Bagaimanakah reaksi anda terhadap beliau? Adakah anda akan memarahinya sejurus selepas selesai solat? Atau adakah anda akan berdiam diri sahaja?

Lihat pula pendekatan berhikmah Nabi Muhammad s.a.w., tatakala seorang sahabat, yang bernama Mu’awiyah ibn al-Hakam al-Sulami r.a., mendoakan orang yang bersin di dalam solat dengan bacaan: *“Yarhamukallah”*, walaupun beliau berada di dalam solat. Perhatikan adab yang dipaparkan Nabi Muhammad s.a.w. dalam menegur setelah selesai solat. Mu’awiyah berkata: *Setelah Rasulullah s.a.w. selesai mengerjakan solat, maka saya tidak mendapati seorang pendidik, sebelum atau sesudahnya, yang lebih baik cara*

didikannya daripada Baginda. Demi Allah, beliau tidak mengherdik, beliau tidak memukul atau beliau tidak mencela saya. Beliau hanya mengatakan:

إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ لَا يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ ، إِنَّمَا هُوَ التَّسْبِيحُ
وَالتَّكْبِيرُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya solat ini tidak sepatutnya mengandungi percakapan manusia. Ia hanya mengandungi tasbih, takbir dan pembacaan Al-Quran.*” [Hadith riwayat Imam Muslim]

Menurut Imam Nawawi *rahimahullah*, hadith ini menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan Rasulullah s.a.w. dalam usaha menegur seorang yang tidak tahu bukanlah pendekatan mengherdik ataupun mencela, tetapi pendekatan yang beliau gunakan adalah pendekatan yang lembut, dan berhikmah.

Saudaraku sekalian,

Ketahuiilah! Bahawa golongan yang melakukan kesalahan disebabkan kejahilan tidak sama dengan golongan yang melakukannya dalam keadaan dia mengetahui perbuatan tersebut adalah salah. Kadangkala ketegasan diperlukan dalam sebahagian situasi dan kadangkala pula pendekatan yang lembut adalah lebih efektif dan berkesan. Adakalanya pula, pendekatan berdiam diri adalah lebih wajar diambil terutama jika usaha untuk memberikan bimbingan boleh membawa

kepada kemudharatan yang lebih besar daripada kemaslahatan yang ingin dicapai.

Seorang Muslim hendaklah bijak memilih pendekatan yang sesuai dalam usaha membimbing manusia ke jalan Tuhan. Justeru, usaha membimbing manusia ke jalan Allah haruslah sesuai dengan keadaan, peringkat pemahaman dan penerimaan, serta tahap ketaatan seseorang.

Saudaraku,

Suatu lagi aspek insan yang memerhatikan hikmah dalam pergaulan dan interaksinya adalah tatkala dirinya berbahas atau berdiskusi, beliau akan memilih cara yang lebih baik. Lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan orang lain yang berbeza dari sudut pegangan dan orientasi. Jika berlaku demikian dan dia merasakan perlu untuk berbahas dan berdiskusi, maka agama Islam mengizinkan, tetapi dengan syarat, hendaklah menggunakan cara yang lebih baik dari sudut pilihan kata-kata, gerak geri dan menahan emosi di saat dia mengemukakan hujjah-hujjah dan keterangan. Tujuan akhirnya bukan untuk menentukan siapa yang menang atau siapa yang kalah. Akan tetapi tujuan kita semua adalah demi mencari kebenaran, serta membimbing insan ke jalan Tuhan. Inilah kemuncak adab berikhtilaf yang menjadi pegangan para ulama.

Imam Al-Syafie diriwayatkan berkata: “Tidak pernah aku berbahas ilmu dengan seseorang, melainkan aku tidak menghiraukan, sama ada kebenaran itu timbul pada lisan aku ataupun pada lisannya”.

Maka bandingkan saudaraku, pendekatan berhikmah ini dengan pendekatan sebahagian insan zaman ini. Kadangkala bertegang urat, saling berbalas hujah dan tomahan di media sosial, demi menegakkan benang yang basah. Nauzubillah min zalik. InsyaAllah pada khutbah-khutbah yang akan datang, aspek-aspek yang lain sikap hikmah akan dibahaskan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di samping kita bergembira menyambut Hari Raya, jangan kita terlupa kepada sebahagian saudara kita yang tidak dapat bergembira di bulan yang mulia ini, disebabkan peperangan dan kekecohan yang melanda rantau tersebut. Kita menyaksikan melalui laporan media, keadaan pelarian Syria yang amat menyayat hati. Mereka kehilangan tempat berteduh, kehilangan ketenangan dan keamanan. Belum lagi gambar-gambar pelarian yang meninggal dunia, akibat karam di lautan. Kita bersyukur ke hadrat Allah di atas ketenangan dan keamanan yang Allah kurniakan kepada negara ini. Kita berdoa agar Allah memelihara keselamatan rantau ini. Di waktu yang sama, kita seharusnya terus berdoa untuk keselamatan dan kesejahteraan saudara seislam kita, sama ada di Syria ataupun sesiapa sahaja yang berada dalam keadaan yang serupa

seperti mereka. Hurlurkan bantuan kepada badan-badan rasmi yang mengendalikan usaha untuk membantu golongan pelarian tersebut. Semoga Allah mengembalikan keamanan kepada mereka yang terjejas insya Allah serta mengurniakan kepada kita kesejahteraan dan keselamatan. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.